



KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
18 MAC 2019 (ISNIN)			
1.	<u>Air quality still being monitored near river</u>	The Star	Klik pada tajuk berita
2.	<u>Make polluters pay for clean-ups, says lawyer</u>	Free Malaysia Today	Klik pada tajuk berita
3.	<u>Don't be seen as biased, Putrajaya told on proposed changes to atomic energy law</u>	Free Malaysia Today	Klik pada tajuk berita
4.	<u>Bahagian paling tercemar berjaya dibersihkan</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
5.	<u>Persekitaran belum selamat</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
6.	<u>Tinggal 120 pesakit sahaja</u>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
7.	<u>Pasir Gudang chemical pollution: Waste dumping still taking place nearby</u>	The Straits Times	Klik pada tajuk berita
8.	<u>Cleanup of Pasir Gudang completed, says KL minister</u>	The Straits Times	Klik pada tajuk berita
9.	<u>Kerja-kerja pembersihan Sungai Kim Kim selesai sepenuhnya</u>	Kosmo	Rujuk Lampiran 1
10.	<u>Pendang alami gelombang haba suhu lebih 37 darjah Celsius</u>	Kosmo	Rujuk Lampiran 2
11.	<u>Sungai Kim Kim sudah bersih</u>	Berita Harian	Rujuk Lampiran 3



12.	<u>Polis ada petunjuk kesan suspek</u>	Kosmo	Rujuk Lampiran 4
13.	<u>Kim Kim Sudah Bersih</u>	Harian Metro	Rujuk Lampiran 5
14.	<u>After clean-up, river to be monitored closely</u>	New Straits Times	Rujuk Lampiran 6
15.	<u>Polis ada petunjuk suspek terlibat</u>	Sinar Harian	Rujuk Lampiran 7
16.	<u>Sungai Kim Kim sudah bersih</u>	Sinar Harian	Rujuk Lampiran 8
17.	<u>Pencemaran toksik di Sungai Kim Kim Belum Selamat</u>	Utusan Malaysia	Rujuk Lampiran 9
18.	<u>Polis dapat petunjuk</u>	Utusan Malaysia	Rujuk Lampiran 10
19.	<u>Nation at risk of fire, MetMalaysia: Weather to remain hot and dry</u>	The Star	Rujuk Lampiran 11
20.	<u>Heroes and zeroes of Sungai Kim Kim</u>	The Star	Rujuk Lampiran 12

TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
18 MAC 2019 (ISNIN)			
21.	<u>Perluakah untuk isytihar darurat di Pasir Gudang?</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
22.	<u>Rakyat Malaysia antara terkorban</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
23.	<u>Gempa Lombok : Dua rakyat Malaysia yang terkorban dikenal pasti</u>	Kosmo	Klik pada tajuk berita



24.	<u>Gempa Lombok: Wan Azizah ucap takziah, sedia bantu Indonesia</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
25.	<u>2 rakyat Malaysia terkorban gempa Lombok</u>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
26.	<u>Identiti seorang lagi rakyat Malaysia maut dikenal pasti</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
27.	<u>Gempa Lombok: Angka maut meningkat kepada empat orang</u>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
28.	<u>Gempa bumi Lombok: Warga Malaysia kedua ditemui maut</u>	Malaysiakini	Klik pada tajuk berita
29.	<u>Detailed monitoring to ensure no discharge of chemical waste: Johor MB</u>	The Sun Daily	Klik pada tajuk berita
30.	<u>Pasir Gudang chemical spill: Unsung heroes work round the clock to treat victims, contain pollution</u>	The Straits Times	Klik pada tajuk berita
31.	<u>Pasir Gudang fuming: Selfless acts around the clock</u>	The Star	Klik pada tajuk berita
69.	<u>Health is the responsibility of everyone, not just doctors</u>	Free Malaysia Today	Klik pada tajuk berita
32.	<u>Johor MB: Detailed monitoring to ensure discharge of chemical waste does not recur</u>	Malay mail	Klik pada tajuk berita
33.	<u>Hutan 4.9 hektar terbakar</u>	Harian Metro	Rujuk Lampiran 13
34.	<u>Student with learning disability wins robot competition</u>	New Straits Times	Rujuk Lampiran 14
35.	<u>Masih buang tapi 'tak serius'</u>	Harian Metro	Rujuk Lampiran 15



36.	<u>Pesta Kemarau : Sungai Golok surut air jadi tumpuan mandi-manda</u>	Harian Metro	Rujuk Lampiran 16
37.	<u>Gempa Bumi Lombok : Rakyat Malaysia terkorban</u>	Harian Metro	Rujuk Lampiran 17
38.	<u>Gempa bumi di Lombok: Seorang rakyat kita maut, 6 masih hilang</u>	Berita Harian	Rujuk Lampiran 18
39.	<u>Gempur kilang haram</u>	Sinar Harian	Rujuk Lampiran 19
40.	<u>A polluted Earth</u>	New Straits Times	Rujuk Lampiran 20
41.	<u>Malaysian killed in Lombok earthquake</u>	New Straits Times	Rujuk Lampiran 21
42.	<u>Tanjung Bungah beach covered in trash</u>	New Straits Times	Rujuk Lampiran 22
43.	<u>Penjimatan Elektrik di Rumah dan Pejabat</u>	Berita Harian	Rujuk Lampiran 23
44.	<u>Kawal pembuangan plastik, elak pencemaran</u>	Kosmo	Rujuk Lampiran 24

ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
45.	<u>58 korban banjir</u>	Harian Metro	Rujuk Lampiran 25
46.	<u>Mayat tertindih batu besar, identiti belum diketahui</u>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
47.	<u>Gempa Lombok: Dua rakyat Malaysia terkorban dibawa pulang hari ini</u>	Kosmo	Klik pada tajuk berita



48.	<u>Gempa Lombok: Dua rakyat kita maut dibawa pulang hari ini</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
49.	<u>Gempa Lombok: Seorang lagi rakyat Malaysia yang maut dikenal pasti</u>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
50.	<u>Mangsa terkorban di Lombok dibawa pulang hari ini</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
51.	<u>Gempa Lombok: Seorang lagi rakyat Malaysia dilaporkan terkorban</u>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
52.	<u>Gempa Lombok: Masih ada beberapa mangsa tersepit - Wartawan Kompas TV</u>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
53.	<u>Mayat tertindih batu besar, identiti belum diketahui</u>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
54.	<u>NASA dedah gambar jarak dekat lapisan awan planet Musytari</u>	Kosmo	Rujuk Lampiran 26
55.	<u>Saintis temui gen tumbuh semula anggota kudung</u>	Kosmo	Rujuk Lampiran 27
56.	<u>Flash floods wreak havoc in Papua</u>	The Star	Rujuk Lampiran 28



LAMPIRAN 1 KOSMO (UTAMA): MUKA SURAT 3 TARIKH: 18 MAC 2019 (ISNIN)

Kerja-kerja pembersihan Sungai Kim Kim selesai sepenuhnya



TINJAUAN dari udara memperlihatkan operasi pembersihan sisa bahan kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang semalam.

JOHOR BAHRU - Pembersihan Sungai Kim Kim di Pasir Gudang yang tercemar ekoran pembuangan sisa kimia telah selesai sepenuhnya selepas empat hari proses pembersihan dilakukan oleh kontraktor dan agensi yang terlibat.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin berkata, pihaknya bagaimanapun akan melakukan pemantauan di sepanjang 1.5 kilometer (km) sungai terbabit.

"Pemantauan secara berterusan masih dilaku-

kan walaupun pembersihan telah selesai, selepas itu kita akan lihat langkah sesuai yang akan dijalankan seterusnya," katanya pada sidang akhbar di Menara Aqabah di sini semalam.

Bee Yin berkata, pihaknya telah menggerakkan 30 pasukan bagi memantau kualiti udara di 30 buah sekolah dalam lingkungan radius 5 hingga 9 kilometer daripada tempat kejadian di sekitar Pasir Gudang.

"Pasukan yang terdiri daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan

Jabatan Kimia akan menggunakan pengesan gas bagi memantau kualiti udara. Keputusannya bakal dikeluarkan pada esok (hari ini)," katanya.

Dalam pada itu, Jabatan Kimia Johor dan beberapa agensi bermula pagi semalam melakukan kerja-kerja pengukuran udara di 42 buah sekolah sekitar daerah ini bagi mengetahui tahap kompetensi, perkembangan dan bacaan terkini kualiti udara di kawasan terlibat.

Proses tersebut yang dimulakan pukul 8 pagi semalam atas arahan

jawatankuasa bencana di sini dilakukan hingga selesai pada lewat petang untuk mengetahui status udara di kawasan sekolah berkenaan susulan kerja-kerja pembersihan Sungai Kim Kim.

Antara yang terlibat Sekolah Kebangsaan (SK) Kota Masai; SK Kota Masai 3; SK Pasir Putih, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato' Penggawa Timut, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Masai dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Pasir Gudang.



LAMPIRAN 2 KOSMO (DALAM NEGARA): MUKA SURAT 7 TARIKH: 18 MAC 2019 (ISNIN)

Pendang alami gelombang haba suhu lebih 37 darjah Celsius

KUALA LUMPUR - Status gelombang haba di sembilan negeri Semenanjung semalam dilaporkan berada pada Tahap 1 iaitu paras berjaga-jaga manakala hanya kawasan Pendang di Kedah pada Tahap 2 merupakan paras gelombang haba bersuhu antara 37 dan 40 darjah Celsius.

Berdasarkan kemas kini Jabatan Metrologi Malaysia (MET) sehingga pukul 5.20 petang semalam, 21 kawasan berada pada Tahap 1 iaitu suhu mencecah antara 35 dan 37 darjah Celsius.

Kawasan disenaraikan ialah Chuping di Perlis, Kota Setar, Sik, Baling dan Kulim (Kedah); Hulu Perak, Kuala Kangsar, Kinta dan Batang Padang (Perak); Jerantut, Raub, Temerloh, Maran dan Bentong (Pahang); Hulu Selangor, Sepang dan Petaling (Selangor).

Turut tersenarai Port Dickson (Negeri Sembilan), Melaka Tengah (Melaka),



TALI air di Bumbung Lima, Kepala Batas kering berikutan fenomena cuaca panas sehingga 35 darjah Celsius sejak bulan lalu.

Tangkak di Johor dan Kuala Lumpur.

Gelombang haba berkenaan dijangka berlarutan selama tiga hari berturut-turut.

Bagi Sabah dan Sarawak pula men-

catkan suhu maksimum harian kurang daripada 35 darjah Celsius.

Sementara itu, catuan air telah dilaksanakan di beberapa kawasan di Kedah berikutan masalah bekalan air tidak men-

cukupi akibat cuaca panas melampau sejak beberapa bulan lalu.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir berkata, catuan air hanya melibatkan kawasan yang terjejas teruk namun sehingga kini tiada kawasan yang diisytiharkan darurat.

Katanya, catuan air tengok kawasan dulu dan bagi kawasan yang tiada masalah air mungkin kita boleh salurkan air itu ke kawasan lain yang memerlukan, kita akan sentiasa pantau keadaan.

"Kita akan cari jalan penyelesaian untuk jangka masa pendek dahulu kerana kalau jangka masa panjang ia melibatkan loji rawatan air, mana perlu baik dan ganti paip dan booster pam, itu semua makan masa dan belanja yang banyak.

"Pendekatan diambil ialah menghantar 28 lori air ke Merbok, saya juga ada minta tambahan tanker daripada kerajaan persekutuan," jelasnya.

LAMPIRAN 3
BERITA HARIAN (PENCEMARAN): MUKA SURAT 17
TARIKH: 18 MAC 2019 (ISNIN)

[FOTO BERNAMA]

Sungai Kim Kim sudah bersih



Tinjauan dari udara memperlihatkan operasi pembersihan sisa bahan kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, semalam.

➔ Kementerian terus pantau sehingga keadaan benar-benar stabil

Oleh Mohamed Farid Noh dan Mohd Fahmi Mohd Yusof
bhnews@bh.com.my

► Pasir Gudang

Kerja pembersihan kawasan tercemar sisa kimia berbahaya sepanjang 1.5 kilometer (km) di Sungai Kim Kim di sini, yang dijalankan tanpa henti sejak Rabu lalu, selesai semalam.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin, berkata pemantauan akan dilakukan bagi memastikan ia benar-benar selamat dan semua gas kimia dinyahkan.

“Kerja pembersihan Sungai Kim Kim daripada sisa kimia berbahaya sudah selesai di sepanjang 1.5km kawasan tercemar, tetapi pemantauan akan dijalankan hingga keadaan benar-benar stabil,” katanya.

Beliau bercakap pada sidang media di Pusat Gerakan Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana di Menara Aqabah Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) di sini, semalam.

Pada sidang media itu, Bee Yin turut menunjukkan demonstrasi cara mengukur kualiti udara menggunakan alat pengesanan gas.

Beliau berkata, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Kimia Malaysia juga memeriksa kualiti udara di 30 sekolah dalam ra-

dius antara lima hingga sembilan kilometer dari Sungai Kim Kim, semalam.

Katanya, sebanyak 30 kumpulan dihantar ke 30 sekolah terbabit berbekalkan alat pengesanan gas bagi memantau kualiti udara, selain mengesan sama ada wujud kehadiran gas berbahaya di situ.

Laporan penuh kualiti udara esok

“Laporan penuh kualiti udara di lokasi yang dipantau akan diumumkan esok (hari ini),” katanya.

Ditanya mengenai tugas dilaksanakan Jawatankuasa Sainifik yang ditubuhkan Jumaat lalu, Bee Yin berkata, jawatankuasa itu sedang menjalankan kajian dan pemantauan mengenai kesan serta hubung kait sisa kimia yang dibuang terhadap persekitaran di kawasan tercemar.

Katanya, jawatankuasa itu memantau sama ada sisa kimia

berkenaan meresap ke tanah, persekitaran dan air bawah tanah.

“Lebih penting, jawatankuasa berkenaan juga memantau kesan selepas pembersihan dijalankan bagi mengelak terjadi keracunan gas semula yang menjejaskan penduduk sekitar,” katanya.

Sementara itu, Menteri Besar, Datuk Osman Sapian, berkata sebanyak 150 meter padu air sungai dan 300 tan tanah bercampur sisa kimia dari Sungai Kim Kim akan dihantar ke kilang pelupusan berlesen.

“Ia akan dibakar dengan kepanasan suhu antara 800 hingga 1,200 darjah celsius sebelum dihantar ke Bukit Pelanduk, Seremban bagi dilupuskan.

“Kita juga akan membuat pos kawalan tetap di Sungai Kim Kim yang dipantau dua penguat kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) bermula 20 Mac ini bagi mengelakkan pencemaran kimia di situ,” katanya.

LAMPIRAN 4
 KOSMO (BENCANA UDARA BERACUN DI PASIR GUDANG): MUKA SURAT 2
 TARIKH: 18 MAC 2019 (ISNIN)

Mohamad Fuzi yakin pihaknya mampu jejak pihak bertanggungjawab

Polis ada petunjuk kesan suspek

Oleh SHARKAWI LONDING dan MOHD. IZUAN ROSELI

PASIR GUDANG – Selepas hampir dua minggu bencana udara yang menggemparkan Pasir Gudang, polis akhirnya mendapat petunjuk baharu bagi mengesan kedudukan suspek yang dipercayai terlibat dalam kes pembuangan sisa bahan kimia ke dalam Sungai Kim Kim pada 7 Mac lalu.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun berkata, pihaknya kini mempergiatkan operasi bagi memastikan pihak yang bertanggungjawab diheret ke muka pengadilan.

“Kita telah menubuhkan pasukan khas (Task Force) yang diketuai Ketua Polis Negeri dan dibantu pegawai Bukit Aman bagi menjalankan siasatan terperinci.

“Kita yakin usaha untuk mengesan suspek terlibat dan kita telah mendapat petunjuk untuk menjejaki mereka,” katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan lawatan di Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) di sini semalam.

Hadir sama ialah Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA), Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani, Ketua Polis Johor, Datuk Mohd. Khalil Kader Mohd., serta Pengarah

Dalang buang bahan kimia ditahan



KERATAN Kosmo! 13 Mac 2019.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) negeri, Datuk Yahya Madis.

Mohamad Fuzi berkata, sehingga kini, pihaknya telah menerima lebih 76 laporan polis berhubung kejadian tersebut yang masing-masing dibuat oleh mangsa serta keluarga yang terlibat.

Ditanya mengenai percanggahan laporan mengenai dakwaan Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang sudah menahan tiga suspek susulan kejadian ini, beliau berkata operasi yang dijalankan adalah secara berasingan.

“Apa yang dikeluarkan daripada jabatan berkenaan saya tidak dapat beri komen, tiada niat untuk (timbulkan) percanggahan kerana operasi dijalankan secara berasingan kecuali kita dimaklumkan,” katanya.

Pada 11 Mac lalu, tiga lelaki termasuk dua pemilik kilang ditahan kerana disyaki membuang sisa bahan kimia ke dalam Sungai Kim Kim sehingga menjejaskan ribuan penduduk di Pasir Gudang.



MOHAMAD FUZI (kanan) melihat peta lokasi pencemaran Sungai Kim Kim ketika melawat ke pusat rawatan awal di Stadium Tertutup MPPG semalam.

Mereka yang ditahan terdiri daripada pemilik kilang memproses bahan kimia berusia lingkungan 50-an dan pemilik kilang memproses bahan lusuh berusia 40-an bersama pekerjanya berusia 50-an.

Penahanan ketiga-tiga individu itu disahkan oleh Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor, Datuk Mohammad Ezzani Mat Salleh.

Dua hari kemudian, Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin memaklumkan bahawa seorang pengusaha kilang yang juga suspek utama

kes pembuangan sisa kimia berbahaya secara haram di Sungai Kim Kim akan didakwa di mahkamah sehari kemudian.

Bagaimanapun, proses pendakwaan yang sepatutnya dilakukan pada Khamis lalu tidak dapat diteruskan.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian Johor, Dr. Sahrudin Jamal berkata, kertas siasatan mahkamah sudah dihantar kepada Pejabat Timbalan Pendakwa Raya, tetapi pihak berkenaan meminta pihak JAS untuk menambah beberapa lagi maklumat.

INFO Kronologi bencana udara di Pasir Gudang

- **7 Mac** – Seramai 35 mangsa terdiri daripada pelajar dan kakitangan sekolah dikejarkan ke hospital selepas terhidu bau sisa buangan berjadual dipercayai bahan kimia jenis metana yang dibuang di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang
- **9 Mac** – Jumlah mangsa meningkat kepada 79 orang dan dua buah sekolah ditutup manakala pihak polis mula membuka siasatan selepas menerima laporan
- **11 Mac** – Tiga lelaki termasuk dua pemilik kilang memproses tayar kitar semula ditahan kerana disyaki membuang sisa bahan kimia ke dalam Sungai Kim Kim
- **13 Mac** – Sebanyak 111 buah sekolah ditutup susulan kejadian pencemaran di Sungai Kim Kim, manakala kerja-kerja pembersihan turut dimulakan oleh pelbagai agensi termasuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM)
- **14 Mac** – Seorang pengusaha kilang yang ditahan sepatutnya didakwa di mahkamah tetapi pendakwaan tidak dilakukan
- **15 Mac** – Jumlah mangsa meningkat kepada 4,035 orang dan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menubuhkan Jawatankuasa Saintifik bagi membantu Kerajaan Negeri menyelesaikan masalah selain menangani isu pencemaran Sungai Kim Kim

LAMPIRAN 5
 HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 14
 TARIKH: 18 MAC 2019 (ISNIN)



ANGGOTA daripada Pasukan Khas Pengurusan Bahan Berbahaya (Hazmat) menggunakan peralatan Chemical Detector AP4C untuk mengesan sisa toksik pada seorang kanak-kanak.

Tak boleh elak mesyuarat di Batam

Johor Bahru: Menteri Besar, Datuk Osman Sapian menegaskan beliau berada di Pulau Batam, Indonesia atas urusan kerja pada 15 Mac lalu namun hanya berada sehari di pulau berkenaan berbanding tempoh dijadualkan selama tiga hari.

Osman dalam satu kenyataan berkata, sepatutnya beliau mengadakan lawatan selama tiga hari bagaimanapun terpaksa memendekkan tempoh di pulau berkenaan atas keperluan mendesak untuk menguruskan operasi pembersihan di (Sungai Kim Kim) Pasir Gudang.

Katanya, sepanjang kurang 24 jam berada di Batam, beliau sentiasa berhubung dengan Jawatankuasa Pengurusan Bencana.

"Sepanjang berada di Batam, pihak Jawatankuasa Pengurusan Bencana berhubung dengan saya setiap dua jam bagi memastikan segala keperluan dan operasi mengawal bencana berjalan lancar dan teratur.

"Saya berharap kenyataan ini dapat merungkil salah fa-

ham atau kekeliruan dalam kalangan rakyat dan berterima kasih kepada semua kakitangan dan agensi kerajaan yang gigih bekerja 24 jam tanpa henti bagi mengurus dan mengawal operasi bencana ini.

"Kenyataan ini dikeluarkan" bagi merujuk kepada laporan berhubung lawatan kerja sehari saya ke Pulau Batam, pada 15 Mac lalu," katanya.

Menurutnya, lawatan kerja delegasi Kerajaan Negeri Johor dirancang sebelum ini berkaitan urusan kerja untuk meningkatkan rangkaian kerjasama antara penggerak industri pelancongan dan pelabur Johor dengan penggerak industri di Indonesia khususnya Pulau Batam.

Menurut Osman, beliau membatalkan beberapa sesi pertemuan lain pada lawatan kerja itu, namun beberapa mesyuarat penting tidak dapat dielakkan.

"Ini adalah penting sebagai persediaan kerajaan negeri dalam menghadapi Tahun Melawat Johor 2020.



BEG hitam mengandungi sisa kimia yang berjeray dibawa keluar dari Sungai Kim Kim.



SEKOLAH Menengah Kebangsaan Kota Masai ditutup akibat pencemaran sisa kimia di Sungai Kim Kim.

LAMPIRAN 5 (SAMB.)
 HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 14
 TARIKH: 18 MAC 2019 (ISNIN)



PEKERJA melakukan kerja peringkat akhir pembersihan sisa kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, semalam.

Kualiti udara di 30 sekolah diperiksa pasukan JAS

Pasir Gudang: Sebanyak 30 pasukan dari Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Kimia digerakkan ke 30 sekolah sekitar Pasir Gudang semalam bagi memantau kualiti udara di kawasan berkenaan selepas keseluruhan Sungai Kim Kim, Taman Pasir Putih yang tercemar, dibersihkan.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Pe-

rubahan Iklim, Yeo Bee Yin berkata, 30 sekolah terlibat terdiri sekolah terletak lima hingga sembilan kilometer dari lokasi pembersihan sisa bahan kimia di sungai tersebut.

"Hari ini (semalam) kami gerakan 30 pasukan ke 30 sekolah untukantau kualiti udara menggunakan pengesanan gas mudah alih dan esok kami akan dapatkan semua laporan itu.

"Sebelum ini kami sudah membuat pemantauan di tempat berbeza-beza dan secara keseluruhannya udara dalam tahap selamat.

"Sekarang liputan kawasan pemantauan lebih besar dan kita perlu lihat keseluruhan kawasan selamat," katanya pada sidang media di Pusat Gerakan Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana di Menara Aqabah, Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MP-PG) di sini, semalam.



YEO

KIM KIM SUDAH BERSIH

■ Kawasan tercemar sepanjang 1.5km bebas sisa kimia ■ 108 pesakit sudah dibenarkan pulang



Mohd Sabran Md Sani dan Izahy Nurul Ain Hussein am@metro.com.my

Pasir Gudang

Kawasan sepanjang 1.5 kilometer di Sungai Kim Kim yang tercemar akibat pembuangan sisa toksik pada 7 Mac lalu, berjaya dibersihkan pasukan bertugas, semalam.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin berkata, bagaimanapun pemantauan teliti akan dilakukan bermula hari ini bagi melihat jika ada kawasan lain yang perlu dibersihkan.

"Hari ini (semalam) kita tengok lagi jika ada apa-apa yang perlu dibersihkan

sebelum kita tentukan langkah seterusnya," katanya pada sidang media di Pusat Gerakan Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana di Menara Aqabah, Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) di sini, semalam.

Terdahulu, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian Johor, Dr Sahrudin Jamal berkata, sehingga semalam seramai 143 mangsa masih dirawat di hospital berbanding 154 mangsa kelimarin dan tujuh daripadanya dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan dilaporkan stabil.

Sehingga jam 12 tengah malam kelimarin jumlah pesakit yang dibenarkan pulang selepas mendapat rawatan di tiga hospital adalah seramai 108 orang.

Pada masa sama katanya, seramai 13 pegawai psikologi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sudah diaktifkan di Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang

FAKTA
 143 mangsa masih dirawat di hospital

(MPPG) sejak kelimarin.

"Pegawai Psikologi dari Bahagian Psikologi dan Kaunseling bersama Psychological Support Team (PST) JKM sudah memberi bantuan kepada 238 mangsa terabit.

"Inisiatif ini dilaksanakan untuk mengurangkan trauma dan keimbangan mangsa bencana dengan skop tugas pasukan ini adalah membantu dari sudut intervensi krisis, kaunseling, bimbingan dan sokongan psikologikal," katanya.



PEGAWAI JAS melakukan pemeriksaan kualiti udara di Sungai Kim Kim, semalam.



PENGARAH Bahagian Keselamatan Kimia Jabatan Kimia Malaysia, Muhammad Yazid Ibrahim (kiri) bersama pegawainya melakukan pemeriksaan kualiti udara di Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Masal.



PENYERAP tumpahan digunakan bagi menghalang sisa kimia daripada terus mengalir.

LAMPIRAN 6
NEW STRAITS TIMES (NEWS/NATION): MUKA SURAT 4
TARIKH: 18 MAC 2019 (ISNIN)

SUNGAI KIM KIM POLLUTION

JOHOR RULER ANGERED BY ACCUSATIONS

Sultan Ibrahim asks critics to show proof he is involved in factory

JOHOR BARU

SULTAN of Johor Sultan Ibrahim Sultan Iskandar is angry at certain parties for accusing him of being involved in a factory allegedly linked to the dumping of chemicals into a river in Pasir Gudang.

The sultan, through his official Facebook account, yesterday reminded his detractors not to hoodwink the public by criticising the weakness of those who were supposed to carry out their duties, but to instead focus on ways to solve the problem.

"It has come to my knowledge that there are certain parties trying to spread accusations that I am involved in a factory that caused the pollution in Pasir Gudang.

"I wish to remind all parties to stop politicising the issue.

"Bring concrete evidence to prove that I am involved in the factory because I do not fear or bow to accusations that tarnish the Johor royal institution."



Sultan Ibrahim Sultan Iskandar

Sultan Ibrahim posted this following the dumping of chemical waste into Sungai Kim Kim, which had caused more than 4,000 people to be admitted to hospital for various symptoms, including nausea, dizziness and vomiting due to toxic fumes.

The incident forced 111 schools in Pasir Gudang to be closed over the safety of pupils, teachers and staff.

Sultan Ibrahim said he would keep tabs on the incident, as well as on the clean-up being carried out by the authorities. **Bernama**



Hazmat personnel working at the riverbank of Sungai Kim Kim yesterday. PIC BY ADI SAFRI

After clean-up, river to be monitored closely

JOHOR BARU: The clean-up along 1.5km of Sungai Kim Kim in Pasir Gudang here, which began on Wednesday, was completed yesterday.

Energy, Technology, Science, Climate Change and Environment Minister Yeo Bee Yin said monitoring would continue to see if anything more needed to be done.

"The 1.5km-long stretch of Sungai Kim Kim that was polluted has already been cleaned up but we want to see what more 'touch-ups' we can do.

"Today (yesterday) can be said to be a day of monitoring. After that, we can look into what further action is needed," she said at the state Disaster Management Committee's operations room.

Present was state **Department of Environment (DoE)** director Datuk Dr Mohammad Ezanni Mat Salleh.

Yeo said, at the same time, 30 teams comprising DoE and Chemistry Department personnel were deployed to 30 schools in the affected area to monitor the air quality using gas detectors.

She said all 30 schools were located three to nine kilometres from Sungai Kim Kim.

"Before this, we have monitored the air quality in different places and found them at a safe level. But our coverage today (yesterday) will be extensive because the clean-up of the river has been completed," she said, adding that the full report on the air quality would be made public tomorrow.

Meanwhile, 143 people are still receiving treatment in several hospitals.

Johor Health, Environment and Agriculture Committee chairman Dr Sahrudin Jamal said they included 36 people, who

were referred to hospitals outside the district, and 29 others admitted to hospitals in other states.

"Seven patients are in the intensive care unit and reported to be in stable condition."

He said 108 people had been allowed to go home after receiving treatment at Hospital Sultanah Aminah, Hospital Sultan Ismail Hospital and Hospital Permai.

Sahrudin said 550 metric tonnes of contaminated soil and sludge, as well as 700 metric tonnes of water, had been collected.

He also reminded members of the public not to enter the polluted areas and reduce outdoor activities.

Schools in Pasir Gudang were closed and would only begin operating after the authorities declare that conditions were safe, he said. **Bernama**

Cops have 'clear leads' on suspect

PASIR GUDANG: Police have gathered clues that will lead them to the arrest of the main suspect involved in the pollution of Sungai Kim Kim here.

Inspector-General of Police Tan Sri Mohamad Fuzi Harun said police were intensifying their efforts to trace the main suspect.

However, he said he did not want to reveal the information in detail as investigations and operations were ongoing.

"We have strong, clear leads

and efforts have been intensified to trace the suspect. We hope the public will cooperate with us, especially in terms of security.

"Nine roadblocks have been set up in Pasir Gudang and these are being manned by three platoons involving 150 personnel.

"Lorries are not allowed into certain areas to ensure that this (pollution of the river) does not recur," he said after visiting a treatment centre for victims of the pollution at the Pasir Gudang

Municipal Council stadium.

Present were federal police Internal Security and Public Order director Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani and Johor police chief Datuk Mohd Khalil Kader Mohd.

Fuzi said since the pollution began affecting people on March 7, 76 reports had been lodged.

"These reports were lodged by victims and their families, and we believe that the number will increase," he said.



Hazmat team personnel checking a worker involved in the clean-up of Sungai Kim Kim in Pasir Gudang yesterday. PIC BY FAHMI YUSOF



LAMPIRAN 7 SINAR HARIAN (PENCEMARAN SUNGAI KIM KIM): MUKA SURAT 12 TARIKH: 18 MAC 2019 (ISNIN)

Polis ada petunjuk suspek terlibat

Dalang pencemaran, usaha mengesan sedang diperhebatkan

PASIR GUDANG

Polis Diraja Malaysia (PDRM) sudah mempunyai beberapa petunjuk yang jelas membabitkan suspek terlibat dalam bencana pencemaran sisa bahan kimia di Sungai Kim Kim, di sini.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun berkata, usaha mengesan dan menangkap suspek terlibat juga sedang diperhebatkan pada ketika ini.

"Operasi menjejak suspek yang berkaitan sedang

kita laksanakan pada ketika ini dengan kerjasama bukan sahaja Polis Johor tetapi juga di peringkat Bukit Aman.

"Jadi saya harap orang ramai beri kerjasama sepenuhnya kepada semua agensi terlibat, termasuk PDRM yang mengawal daripada aspek keselamatan. Harap patuh kepada sekatan jalan raya yang dibuat. Ada sembilan lokasi saya dimaklumkan oleh Ketua Polis Johor," katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan di Pusat Saringan, Stadium Tertutup Perbandaran Pasir Gudang, di sini, semalam.

Mohamad Fuzi berkata, PDRM juga sudah menempatkan tiga platun bagi mengawal kediaman yang ditinggalkan oleh mangsa serta menjaga aspek kese-



Mohamad Fuzi pada sidang media, semalam.

lamatan harta benda daripada kecurian.

Katanya, selain itu, lori-lori yang tiada kaitan juga tidak dibenarkan masuk ke kawasan bencana bagi me-

astikan perkara sama tidak berulang dalam masa yang terdekat.

Ditanya mengenai perancangan maklumat penahanan suspek sebelum

ini, beliau berkata, operasi dijalankan antara agensi atau jabatan terlibat dengan PDRM adalah secara berasingan.

"Kecuali kita dimak-

lumkan, tapi di pihak PDRM pada ketika ini, tidak ada tangkapan dibuat. Jadi itu fakta yang kita telah laporkan kepada media. Semalam (kelmarin) pun saya ada majlis di Pusat Latihan Polis di Kuala Lumpur, dan saya pun sudah maklumkan tentang perkara ini.

"Jadi apa yang dikeluarkan oleh pihak jabatan lain itu, kita tak dapat nak komen 'more on them'. Kita tidak ada niat untuk berbanggah dari segi pelaksanaan tugas bagi membendung keadaan ini agar kembali normal," katanya.

Dalam pada itu, Mohamad Fuzi berkata, sebanyak 76 laporan polis diterima berhubung kejadian pencemaran sisa bahan kimia Sungai Kim Kim, dan dijangka bertambah dari semasa ke semasa.



1

2

3

4

1 Pengarah Bahagian Keselamatan Kimia, Jabatan Kimia Malaysia, Muhammad Yazid Ibrahim (kanan) bersama anggota Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Kimia menggunakan alat pengesan gas di SMK Kota Masai bagi memantau kualiti udara.

2 Anggota pasukan dari Unit Bahan Berbahaya (Hazmat) menggunakan peralatan Chemical Detector AP4C untuk mengesan sisa toksik dan bahan kimia pada seorang lelaki ketika mendapatkan rawatan awal di Medic Base, Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang, semalam.

3 Seorang kanak-kanak menunggu anggota pasukan dari Unit Bahan Berbahaya (Hazmat) mengambil butiran dirinya sebelum dibawa melalui proses penyahcemaran (decontaminatio) di Medic Base, Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang, semalam.

4 Mangsa pencemaran sisa bahan kimia Sungai Kim Kim menunggu giliran untuk melalui proses penyahcemaran (decontaminatio) dilakukan oleh anggota pasukan dari Unit Bahan Berbahaya (Hazmat) di Medic Base, Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang, semalam.

Tingkat kawalan rumah penduduk

JOHORBAHRU - Polis menambah jumlah kekerapan rondaan bagi meningkatkan kawalan keselamatan terhadap rumah yang ditinggalkan penduduk di sekitar Pasir Gudang.

Ketua Polis Johor Bahru, Datuk Mohd Khalil Kader Mohd

berkata, orang ramai turut diingatkan maklumkan kepada balai polis berdekatan sebelum pulang ke kampung atau bercuti.

"Isi borang balik kampung di balai berdekatan atau daftar atasan di Volunteer Smartphone Patrol," katanya, semalam.

PENCEMARAN SISA KIMIA SUNGAI KIM-KIM PASIR GUDANG, JOHOR

MAKLUMAT TERKINI SEHINGGA 17 MAC

1.3KM

berapa (bersihkan haki 200 meter) akan disediakan dan seluasnya 1.2 haki lagi

143

masih menerima rawatan di hospital

108

mangsa yang mendapat rawatan telah dikembalikan pulang

36

orang ke hospital di luar daerah Johor Bahru

29

orang ke hospital di daerah Johor Bahru

7

orang masih menerima rawatan di ICU & ICU stabil

Bahagian Paksiologi & Kanalisasi Bas, sama Psikologi Support Team, Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan Pasawai Psikologi bagi menangani trauma & kecemasan mangsa kemarau

Selanjutnya 550 tan tanah tercemar & ensip cemau serta 700 tan air tercemar telah dikumpulkan sehingga jam 4.00 petang, 16 Mac 2019

Source: Pasir Gudang District Office, Johor Bahru, 17 March 2019. Photo: MESTECC

LAMPIRAN 8 SINAR HARIAN (PENCEMARAN SUNGAI KIM KIM): MUKA SURAT 10 TARIKH: 18 MAC 2019 (ISNIN)

Gas sianida tak lepas paras bahaya

PASIR GUDANG - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Johor menasihatkan orang awam agar tidak panik dengan penemuan gas sianida susulan pencemaran kimia di Sungai Kim Kim, di sini.

Pengaruhnya, Datuk Yahya Madis berkata, gas sianida yang ditemui adalah hasil tindak balas bahan-bahan buangan.

Menurutnya, mungkin ada pihak panik apabila dimaklumkan bomba ada mengesan bahan sianida dalam udara.

"Sianida ini ada dua iaitu yang asli itu dijadikan senjata kimia, memang bahaya. Sianida yang ditemui pun bahaya, cuma ia adalah hasil tindak balas bahan buangan. Kadang-kadang tidak ada.

"Kadarnya pun tidak melepasi paras bahaya sangat, cuma kadang-kadang pendedahan untuk jangka masa yang



Yahya pada sidang media di pusat rawatan awal di Stadium MPPG, semalam.

lama menyebabkan kesan lebih besar," katanya kepada pemberita di Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), semalam.

Sementara itu, Yahya berkata, gas sianida hasil tindak balas bahan buangan itu tetap berbahaya apabila terdedah dalam jangka masa lama.

"Sianida tetap bahaya apabila kadarnya banyak atau tidak banyak tapi apabila lebih lama terdedah lebih bahaya, tapi setakat hari ini (semalam) bacaan tidak bahaya dan tidak seteruk sianida asli.

"Sianida bahaya sekiranya

melebihi 4.5ppm tapi setakat ini bawah 2ppm, ada 1.2ppm.

"Apabila lebih 4.5ppm itu yang menyebabkan penduduk mual, pening dan loya, sebab itu kena cepat datang pusat saringan," katanya.

Ketika diminta mengulas soal kualiti udara, Yahya berkata, keadaan selamat setakat semalam.

"Tapi cuaca agak panas dan mungkin ada tiupan angin, jadi mungkin ada tempat tertentu terima kesan," katanya.

Beri kaunseling kepada pelajar

PASIR GUDANG - Kerajaan Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan memberi kaunseling kepada pelajar, khususnya yang terlibat dalam pencemaran sisa bahan kimia.

Exco kerajaan negeri, Liow Cai Tung berkata, kaunseling itu diberikan kepada pelajar yang telah menerima rawatan di hospital dan 'medic base'.

"JKM sedia bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Johor kerana pada pendapat saya, pelajar yang mendapat rawatan di hospital, perlulah diberi kaunseling untuk mengatasi trauma sekiranya ada.

"Saya harap melalui sesi kaunseling ini, kami dapat membantu mereka dalam proses pemulihan dan juga mengatasi perasaan trauma dalam diri mereka," katanya pada sidang media di Stadium Tertutup Perbandaran Pasir Gudang di sini, semalam.

Cai Tung berkata, seramai 35 kaunselor terdiri daripada pegawai psikologi dan kaunseling JKJ serta pasukan sokongan psikologi akan digerakkan dalam



Cai Tung (dua, kanan) bertanya sesuatu kepada kaunselor JKJ.

usaha tersebut.

"Selain itu, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim (YPKDT) yang juga mempunyai kaunselor, akan membantu beri kaunseling ini.

"Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) juga akan membantu, sebab LPPKN turut mempunyai kaunselor," katanya.

Mengulas lanjut katanya, satu sesi pertemuan dan taklimat dengan warga pendidik di sekolah terlibat

insiden pencemaran itu akan diadakan sebelum sekolah dibuka.

"Selepas itu, apabila sekolah dibuka nanti, kaunselor akan masuk ke sekolah, bekerjasama dengan kaunselor di setiap sekolah untuk memberi kaunseling kepada pelajar," katanya.

Selain itu, Cai Tung berkata, kerajaan negeri turut mengedarkan penutup mulut dan hidung serta makanan di kawasan yang mengalami kes pencemaran Sungai Kim Kim.

Sungai Kim Kim sudah bersih

Petugas masih membersihkan saki-baki pencemaran, pantau kualiti udara

PASIR GUDANG

Meri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin mengesahkan Sungai Kim Kim yang tercemar sejauh 1.5 kilometer (km) telah dibersihkan.

Bagaimanapun katanya, petugas masih membersihkan saki-baki pencemaran termasuk 30 pasukan digerakkan ke 30 sekolah di sekitar Pasir Gudang untuk memantau kualiti udara.

"Hari ini (semalam) kita nak tengok ada apa-apa lagi untuk 'touch up' apa yang kita belum



Tinjau dari udara keadaan di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, semalam.

bersihkan lagi. Secara keseluruhannya telah dibersihkan.

"Kita juga akan gunakan 'gas detector' untuk kesan apa-apa bagi memantau kualiti udara, untuk dapatkan sama ada udara

kita telah secara keseluruhannya dalam tahap selamat.

"Kita sebelum ini telah buat di tempat yang berbeza-beza, dan ia di tahap selamat," katanya kepada pemberita pada sidang me-

dia di sini, semalam.

Menurutnya, liputan pemantauan akan menjadi lebih besar kerana pembersihan sungai telah siap.

"Kita nak tengok secara kese-

luruhannya, sama ada ia selamat, oleh itu kita gerakkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Kimia untuk memantau kualiti udara.

"Esok (hari ini) kita akan dapatkan semua laporan untuk sehari dan kita akan siarkan hasil pemantauan secara keseluruhan, kemudian barulah buat tindakan atau langkah seterusnya," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, jawatankuasa saintifik sedang mengkaji beberapa perkara untuk mengelakkan gelombang baharu.

"Kita kena cari sama ada kita ada sumber-sumber lain, yang kedua jika adanya 'correlation' antara apa yang kita bersihkan dengan angka-angka dan lokasi mangsa.

"Jadi kita kena ada 'correlation' sebelum fikir pembersihan ini akan menyelesaikan masalah, dan juga 'ground water', kita nak periksa lagi 'ground water'," katanya.

LAMPIRAN 9
UTUSAN MALAYSIA (UTAMA): MUKA SURAT 1
TARIKH: 18 MAC 2019 (ISNIN)

Pencemaran toksik di Sungai Kim Kim

BELUM SELAMAT

- Mangsa terjejas lebih 4,000 setakat 6 petang semalam.
- Kerja pembersihan sungai 1.5 km selesai hari ini.
- Sekolah masih ditutup, belum ada kepastian bila dibuka.
- Polis dapat petunjuk kesan suspek pencemar.
- Kerajaan akan umum keputusan tahap kualiti udara hari ini.

BERITA PENUH DI MUKA 3 & 4



ANGGOTA Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Unit Bahan Berbahaya (Hazmat) melakukan pemeriksaan kualiti udara menggunakan alat pengesan gas di Sungai Kim Kim yang tercemar akibat pencemaran toksik di Pasir Gudang, semalam. -UTUSAN/FARID JANUDIN

LAMPIRAN 9 (SAMB.) UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 3 TARIKH: 18 MAC 2019 (ISNIN)

● Pembersihan Sungai Kim Kim selesai ● 30 pasukan pantau kualiti udara

Persekitaran belum selamat

Oleh **NURUL HUDA HASSAN**
pengarang@utusan.com.my

■ PASIR GUDANG 17 MAC

KERJA-KERJA pembersihan Sungai Kim Kim di sini yang dicemari toksik selesai hari ini, namun pihak bertanggungjawab masih mengambil langkah berjaga-jaga dan melakukan pemantauan.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin berkata, secara keseluruhannya kawasan sungai sepanjang 1.5 kilometer yang terjejas akibat pencemaran toksik itu telah dibersihkan.

"Proses pembersihan di Sungai Kim Kim telah selesai dan hari ini kita nak tengok sama ada terdapat lagi tempat yang nak dibersihkan atau tidak, namun kita perlu terus melakukan pemantauan di kawasan berkenaan.

"Hari ini kita boleh kata sebagai hari pemantauan dan selepas itu baru kita akan lihat apakah langkah seterusnya yang kita boleh buat," katanya dalam sidang akhbar di Menara Aqabah Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) di sini hari ini.

Dalam sidang akhbar itu, beliau turut menunjukkan demonstrasi cara mengukur kualiti udara menggunakan alat pengesan gas.

Dalam perkembangan lain, Bee Yin memberitahu, pihaknya akan menggerakkan sebanyak 30 pasukan dilengkapi pengesan gas untuk memantau kualiti udara di sebanyak 30 buah sekolah di sini bermula hari ini.

Beliau berkata, pasukan yang terdiri daripada anggota **Jabatan Alam Sekitar (JAS)** dan **Jabatan**



MENTERI Besar Johor, Datuk Osman Sapian (kanan) memeriksa kualiti udara menggunakan alat pengesan gas di sekitar Sungai Kim Kim yang tercemar akibat pencemaran sisa kimia di Pasir Gudang, semalam. -UTUSAN/FARID JANUDIN

Kimia itu akan melakukan pemantauan di kesemua sekolah yang terletak dalam lingkungan lima hingga sembilan kilometer dari tempat kejadian.

"Kita akan guna pengesan gas untuk kesan dan memantau kualiti udara dan dapatkan semua laporan sebelum umumkan keputusannya esok bagi memastikan udara di kawasan terlibat keseluruhannya berada pada tahap selamat," katanya.



YEO BEE YIN

Ditanya parameter gas yang akan diperiksa pasukan tersebut, Bee Yin memberitahu, itu adalah oksigen, karbon monoksida, Low Exposure Limit (LEL), Volatile Organic Compound (VOC) dan Hydrogen Sulphida (H2S).

Sementara itu, beliau berkata, jawatankuasa saintifik yang ditubuhkan kelmari sedang menjalankan kajian dan pemantauan berkaitan kesan dan hubung kait sisa kimia yang dibuang kepada

persekitaran kawasan tercemar. Tambahnya, apa yang dilakukan jawatankuasa berkenaan adalah penting dalam menentukan sama ada kerja pembersihan yang dilakukan itu berjaya menyelesaikan masalah dan pada masa sama melihat sama ada pengaliran air bawah tanah turut tercemar.

"Jadi, ia masih dalam kajian kerana pengurusan data itu akan mengambil masa, namun sementara itu pihak terlibat akan terus melakukan pemantauan secara keseluruhannya terutama di sekolah sekitar Pasir Gudang," katanya.



SULTAN IBRAHIM

Sultan Johor murka difitnah

JOHOR BAHRU 17 Mac - Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar hari ini murka terhadap pihak yang menyebabkan fitnah kononnya baginda terlibat dalam perniagaan kilang yang menyebabkan berlakunya pencemaran toksik tersebut.

Sultan Ibrahim menigatkan pihak tertentu supaya tidak cuba mengalih perhatian rakyat atas kelemahan pihak yang sepatutnya menjalankan tugas mereka, sebaliknya tumpu kepada cara menyelesaikan isu ini secara tuntas.

"Sudah sampai kepada pengetahuan saya bahawa ada pihak tertentu yang cuba menyebarkan fitnah bahawa saya terlibat dalam perniagaan kilang yang menyebabkan pencemaran di Pasir Gudang.

"Saya ingin mengingatkan semua pihak supaya berhenti mempolitikkan isu ini. Sila bawa bukti yang sah jika benar saya terlibat dalam perniagaan kilang itu kerana saya tidak pernah gentar dan tunduk pada fitnah yang memburukkan Institusi Diraja Johor," titah Sultan Johor kepada Royal Press Office (RPO) di sini hari ini.

Dalam pada itu, baginda memandang serius pencemaran sisa kimia di Pasir Gudang dan sentiasa mengkritik segala perkembangan berkaitan insiden itu.

Sultan Ibrahim bertitah supaya jangan ada pihak yang sengaja membuat andaian sewenang-wenangnya bahawa baginda tidak mengambil berat insiden itu. "Saya bersama-sama Permaisuri Johor (Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah), malah Tunku Mahkota Johor (Tunku Ismail Sultan Ibrahim) turut melawat mangsa-mangsa di hospital.

"Pada masa sama, kami juga sering mengambil berat khususnya mengenai keperluan pasukan penyelamat supaya kerja-kerja pembersihan sisa kimia dapat dijalankan secara sempurna," titah baginda.

Penduduk kecewa sikap kerajaan negeri

PASIR GUDANG 17 Mac - Penduduk Taman Pasir Putih di sini mendesak kerajaan negeri dan pihak berwajib untuk menangani masalah pencemaran toksik di Sungai Kim Kim dengan segera.

Pengerusi Penaja Badan Bertindak Penduduk Isu Pencemaran Alam (BBPIPA) di Sungai Kim Kim, Muhammad Fauzi Rohani berkata, penduduk di taman berkenaan rata-ratanya kecewa dengan sikap kerajaan dalam menangani isu ini.

Katanya, sejak insiden itu

bermula pada 7 Mac lalu, penduduk tidak mendapat hebahkan secukupnya berkenaan aktiviti dijalankan.

"Setakat ini, tidak ada komunikasi dua hala antara pihak berwajib dan penduduk dalam menerangkan keadaan bencana yang berlaku, langkah pencegahan serta pengawalan.

"Malahan, tiada penglibatan langsung penduduk sebagai pihak berkepentingan dalam isu ini sama ada melalui pemimpin masyarakat atau individu berkemahiran dalam isu terlibat," ka-

tanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Pencemaran toksik di Sungai Kim Kim telah menjejaskan kehidupan harian penduduk sekitar Pasir Gudang sehingga memaksa kerajaan menutup kesemua 111 sekolah di kawasan ini.

Sementara itu, Muhammad Fauzi berkata, pihaknya menyerahkan memorandum penduduk kepada pihak bertanggungjawab dalam pengurusan bencana di Pusat Gerakan Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana, Menara Aqabah di sini

kelmarin.

"Kami juga menyenaraikan sembilan saranan untuk perhatian pihak berkuasa antaranya menyediakan khidmat bantuan kewangan kepada mangsa terlibat, menyediakan khidmat klinik bergerak dan mengadakan taklimat kepada penduduk.

"Saranan lain termasuklah memaklumkan status semasa berhubung kerja pembersihan kepada penduduk dan tindakan tegas perlu diambil terhadap pihak yang menyebabkan berlakunya pencemaran ini," katanya.

LAMPIRAN 10 UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 4 TARIKH: 18 MAC 2019 (ISNIN)

Polis dapat petunjuk

Oleh FADZLY IZAB
pengarang@utusan.com.my

POLIS Diraja Malaysia (PDRM) mengesahkan sudah mendapat petunjuk bagi mengesan suspek yang membuang sisa toksik ke dalam Sungai Kim Kim di sini.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun berkata, siasatan terperinci telah dibuat pihaknya bagi mengenal pasti pihak bertanggungjawab berdasarkan petunjuk tersebut.

Dalam masa sama, jelasnya, polis telah memperhebatkan operasi bagi mengesan suspek terlibat melalui penubuhan Pasukan Khas diketuai Ketua Polis negeri dengan kerjasama pegawai Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

"Pada ketika ini kita ada sedikit petunjuk, dan yakin usaha untuk mengesan suspek terlibat dapat dilakukan berbanding petunjuk tersebut," katanya dalam sidang akhbar selepas mengadakan lawatan ke Pusat Rawatan Awal Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), di sini hari ini.

Hadir sama Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA), Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani; Ketua Polis Johor, Datuk Mohd. Khalil Kader Mohd. serta Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) negeri, Datuk Yahaya Madis.



MOHAMAD FUZI HARUN (kiri) melihat pelan kawasan terjejas oleh pencemaran kimia bersama Mohd. Khalil Kader Mohd. di Pasir Gudang, Johor semalam. - UTUSAN/BAAZLAN IBRAHIM.

Jelas Mohamad Fuzi, pihaknya juga telah mengadakan sekatan jalan raya di sembilan lokasi bencana bagi mengesan pihak bertanggungjawab.

"Tiga platun dengan 150 anggota turut digerakkan ke kawasan terjejas bagi mengawal lalu-lintas selain menjaga keselamatan harta-benda serta rumah mangsa yang ditinggalkan," ujarnya.

Sementara itu, beliau berkata, polis telah menerima 76 laporan berhubung kes pencemaran tersebut terutamanya daripada mangsa dan keluarga terlibat.

"Ini merupakan jumlah terkini dan kami yakin laporan polis mengenai bencana ini akan ber-

tambah dari semasa ke semasa," ujarnya.

Ditanya mengenai dakwaan **Jabatan Alam Sekitar (JAS)** negeri yang telah menahan tiga suspek berkaitan kejadian tersebut beliau berkata, operasi dijalankan kedua-dua pihak adalah berasingan.

"Saya tidak dapat memberi komen lanjut tentang apa (kenyataan) yang dikeluarkan jabatan berkenaan malah tiada niat untuk timbulkan percanggahan maklumat kerana tidak dimaklumkan mengenainya.

"Bagi pihak polis, ketika ini memang tidak ada tangkapan. Jadi itu fakta yang telah kita laporkan kepada media sebelum ini," jelas beliau.

Penduduk bimbang masa depan mereka

PASIR GUDANG 17 Mac - Penduduk daerah ini bimbang masa depan mereka jika pencemaran toksik berlaku lagi kerana Pasir Gudang merupakan kawasan industri yang mempunyai banyak kilang.

Seorang penduduk di kawasan terjejas Norsehha Kasdan, 59, mahukan jaminan daripada kerajaan bahawa kawasan itu selamat untuk didiami.

"Saya percaya pihak berkuasa mampu menangani bencana yang berlaku ketika ini, namun apa yang membimbangkan adalah sekiranya berulang pada masa depan.

"Apakah jaminan kepada penduduk bahawa bencana seperti ini tidak akan berlaku lagi," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kota Masai di sini hari ini.

Ibu dua anak itu juga berharap kerajaan dapat memastikan setiap kilang yang beroperasi dalam kawasan itu mematuhi undang-undang

khususnya membabitkan keselamatan dan kesihatan penduduk sekitar.

Kejadian pencemaran toksik itu telah menjejaskan lebih 4,000 penduduk sehingga memaksa kerajaan menutup 111 buah sekolah di kawasan berhampiran.

Selain itu terdapat penduduk berdekatan kawasan tercemar mengambil keputusan meninggalkan rumah masing-masing untuk sementara.

Muhammad Badrull Hisyam Adam, 29, turut berharap kerajaan dapat memastikan kejadian sama tidak berulang.

"Kebanyakan penduduk yang terlibat dalam kejadian ini telah membeli rumah dan menetap bersama-sama keluarga masing-masing di kawasan ini.

"Bukan mudah untuk kami meninggalkan kawasan ini setelah menetap di sini, jadi kami harap kerajaan dapat memastikan perkara ini tidak berlaku lagi pada masa depan," ujarnya.

Tidak perlu panik kewujudan gas hidrogen sianida - Bomba

PASIR GUDANG 17 Mac - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) negeri meminta orang ramai tidak panik dengan kewujudan gas hidrogen sianida di Sungai Kim Kim di sini seperti yang didedahkan pihaknya semalam.

Pengarah JBPM negeri, Datuk Yahaya Madis berkata, bahan kimia itu terhasil daripada bahan kimia buangan di sungai berkenaan dan bukannya hidrogen sianida asli seperti yang digunakan sebagai senjata kimia untuk berperangan.

Menurutnya, tahap bacaan terkini gas hidrogen sianida itu juga berada pada paras selamat iaitu di bawah 2.0 partikel per sejuta (PPM) berbanding 4.5 PPM yang dicatatkan di kawasan Tanjung Puteri di sini sejak 7 Mac lalu.

"Walaupun bagaimanapun, orang ramai tidak perlu bimbang atau panik kerana hidrogen sianida yang dikesan dalam udara kawasan terjejas ialah hasil tindak balas sisa bahan kimia.

"Sianida ini juga berbahaya jika terdedah kepada manusia dalam

tempoh yang lama namun kesannya tidak seteruk sianida asli yang boleh menyebabkan kematian," katanya dalam sidang akhbar di Pusat Rawatan Awal Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), di sini hari ini.

Jelas Yahaya, pihaknya turut melakukan proses penyahcemaran di pusat rawatan awal Stadium Tertutup MPPG selain mengesan pelepasan gas tersebut di kawasan penduduk.

Katanya, proses penyahcemaran itu bukan sahaja dilaksanakan ke atas mangsa daripada kalangan penduduk tetapi juga petugas pembersihan agar tidak merebak kepada orang lain.



YAHAYA MADIS



PENDAPATAN Basri Amat (kiri) terjejas sejak insiden pencemaran toksik di Kota Masai, Pasir Gudang, Johor malah ramai rakannya terpaksa memberhentikan perniagaan.

Penjaja kecil terjejas

PASIR GUDANG 17 Mac - Pencemaran toksik di Sungai Kim Kim mengakibatkan pendapatan harian kira-kira 20 penjaja di Kota Masai di sini terjejas hingga 50 peratus.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di kawasan pekan kecil berhampiran sungai itu mendapati, hanya empat gerai dibuka kerana peniaga bimbang dengan keadaan udara yang tercemar.

Seorang peniaga makanan dan minuman Basri Amat, 51, berkata, sejak beberapa hari ini jumlah pelanggan mereka merosot kerana orang ramai sudah jarang keluar rumah. "Ini ditambah lagi ada pen-

diduk di sekitar kawasan Kota Masai mula meninggalkan rumah masing-masing untuk sementara kerana bimbang pencemaran udara ketika ini," katanya ketika ditemui di sini kelmarin.

Dia yang tinggal di Taman Pasir Putih berkata, pencemaran toksik memberi kesan terhadap rutin harian penduduk dan peniaga di sini termasuk aktiviti ekonomi mereka.

Basri berkata, udara di kawasan rumahnya berbau seperti gam perangkap tikus pada malam Khamis lalu yang pada mulanya disangka ada sesuatu terbakar dalam rumah.

LAMPIRAN 11
THE STAR (NATION): MUKA SURAT 8
TARIKH: 18 MAC 2019 (ISNIN)

Nation at risk of fire

MetMalaysia: Weather to remain hot and dry

PETALING JAYA: The entire Peninsular Malaysia (except for Klang), Sabah and parts of Sarawak between Miri and Bintulu have been identified as being at extreme risk of fire, said Malaysian Meteorological Department director-general Alui Bahari.

FDRS is a forest/vegetation fire monitoring system that uses meteorological variables including temperature, relative humidity, rainfall and wind velocity to assist in haze and fire mitigation plans.

at an extreme level in the affected areas, indicating that flammable material such as dry grass may easily catch fire.



Parched land: A farmer working on his padi field in Kepala Batas, Penang, as authorities ration water in some parts of the country and warn of fire risks due to the hot weather. — Bernama

Water rationing starts in Kedah

ALOR SETAR: Water rationing has been implemented in several areas of the state following low water supply due to the extreme hot weather in the past few months.

in places which were badly affected by the low supply.

"Consumers must use water prudently," he said after attending the Kedah Regional Development Authority bimonthly assembly here yesterday.

'Stop open burning in current dry spell'

KOTA-KINABALU: Firemen in the state are battling an average of 40 open burning cases and bushfires daily due to the dry spell, said Sabah Fire and Rescue Department operations centre officer Mohd Hasbi Hajat.

"From the latest statistics, 374 are bushfires while 231 are forest fires," he said, adding that the other cases involved fires at plantations, padi fields and rubbish dumps.

Wellbeing Minister Datuk Stephen Wong urged the public to refrain from open burning and to keep themselves hydrated.

LAMPIRAN 12
THE STAR (NATION): MUKA SURAT 1
TARIKH: 18 MAC 2019 (ISNIN)

Heroes and zeroes of Sungai Kim Kim

Factory operators and residents have been dumping waste, including toxic chemicals, into the river in Pasir Gudang for years and that despicable act hasn't stopped despite the current pollution nightmare. Authorities have just cleaned up a 1.5km stretch of the river and are monitoring the area for anyone who intends to continue killing it. But all is not lost as the incident, which sent more than 4,000 people to hospital, has brought out the heroic side of several individuals. > See reports on Pages 2 and 3



**It's frying hot,
it's drying up**

Hot, dry winds and open burning are creating unseasonably fierce bushfires ravaging large parts of Sabah with firemen battling an average of 40 open burning cases daily. In Kedah, the effect is felt as water sources are drying up and rationing has been implemented in several areas as taps run dry. > See Page 8 for reports by SIRA HABIBU, MARTIN CARVALHO and STEPHANIE LEE

LAMPIRAN 12 (SAMB.)
THE STAR (NATION): MUKA SURAT 2
TARIKH: 18 MAC 2019 (ISNIN)

Dumping still taking place

Waste found just a few kilometres away from clean-up efforts

JOHOR BARU: While the authorities are cleaning up Sungai Kim Kim to curb the spread of pollution in Pasir Gudang, there are new signs of other waste dumping sites within a 5km area.

A check by *The Star* in Kampung Pasir showed that solid waste, mainly from construction, was being dumped about 50m from the river.

One of the discarded items spotted had the name of a major chemical company.

It is learnt that, so far, more than a dozen other sites have been discovered and the authorities are looking for more sites as they widen their checks around Sungai Kim Kim.

It is also learnt that some houses along the river have been turned into possible "landing points" for illegal chemical dumping, which is mainly done at night.

These house owners are paid for each lorry load and on some days there are a few lorries going into the area to dump chemicals or construction waste.

A resident known as Mat said this has been going on for a long time, with some of the houses even putting up zinc hoarding to prevent prying eyes.

"They are very fast. They put the hoses into the river and leave as soon as possible," he said, adding that many of the residents were ignorant and did not know that the chemicals were harmful.

"Now, because of their action, this disaster has happened and all of us are affected. I hope the authorities will take stern action," he said.

He added that the authorities needed to find a long-term solution to stop the residents from working with syndicates which bring in chemicals from the nearby industrial estate.



Another resident, who wanted to be known as Majid, 47, said some of the houses in the area had been turned into dumpsites.

"I am not sure about chemical waste but construction waste is being dumped close to the river.

"There are slopes behind every house a few metres from the river where some of the owners have reclaimed by piling up soil behind their houses," he said.

He added that these activities have been going on for quite some time and he does not know when it all began.

Kampung Pasir Putih chief Suhaimi Ahmad Shah confirmed that a few locations in Pasir Putih have been turned into illegal landfills by contractors hired by the local authorities.

He hoped that action will be taken immediately to address this matter, especially houses along

Jalan Selasih 4.

Johor Department of Environment (DOE) director Datuk Dr Mohammad Ezanni Mat Salleh, when showed all the photographs by *The Star* reporter, said the DoE would investigate the matter and would order immediate action to be taken.

Malaysian Nature Society vice-president Vincent Chow said he is convinced that the residents knew about this illegal dumping activity.

"It is just sad that they have made this into a living and the authorities need to educate them that this is wrong and harmful to them and their families," he added.

Chow also urged the DOE to speed up their checks on all chemical factories in the area as he is certain that those carrying out illegal dumping would now look for other rivers to throw their waste.

"Please do not wait until this Pasir Gudang disaster is over to check the companies.

"The government should also rope in other agencies such as the Forestry Department, Drainage and Irrigation Department and local councils to immediately start checking waterways, jungles and open spaces and keep an eye on these chemical factories.

"Those involved will surely try to get rid of all their chemical waste elsewhere to avoid being caught," he said, adding that there should be long-term measures instead of just resorting to "knee jerk" reactions during a crisis.

Energy, Technology, Science, Climate Change and Environment Minister Yeo Bee Yin had earlier announced that as a long-term measure, the DOE will be carrying out checks on 252 chemical factories in the area after the crisis is over.

Johor MB defends Batam visit as working trip

PASIR GUDANG: Menteri Besar Datuk Osman Sapien has defended his trip to Batam island in Riau province, Indonesia, saying it was working trip meant to boost local tourism.

The state government's working visit was planned long before the chemical contamination disaster.

The trip was aimed to increase the co-operation between local tourism industry players with their Indonesian counterparts in Batam, said the Kempas assemblyman.

"The working trip was supposed to be for three days but we cut it to less than a day for the urgent need to manage the clean-up operation.

Without a care: Disused furniture and construction material discarded behind SK Taman Pasir Putih, a few hundred metres from Sungai Kim Kim.

"I managed to cancel several discussions but there were some important meetings that could not be avoided.

Datuk Osman Sapien

"I managed to cancel several discussions but there were some important meetings that could not be avoided as they were connected to Visit Johor Year 2020," Osman said.

Osman thanked Batam's Wali Kota, Muhammad Rudi, for being understanding of the need to cancel several meetings.

He pointed out that even the Indonesian authorities he met expressed their sadness over the incident in Sungai Kim Kim.

"Throughout the time I was in Batam, the disaster management committee was in contact with me every two hours to ensure that every need and operation ran smoothly," said the Johor Parti Pribumi Bersatu Malaysia and state Pakatan Harapan chairman.

It was recently reported that Osman had come under fire for going to Batam.

We've leads on toxic dump suspects, says IGP

PASIR GUDANG: Police have several strong leads that point to the suspects involved in the chemical dumping, said Inspector-General of Police Tan Sri Mohamad Fuzi Harun.

He said they received 76 reports of chemical dumping at Sungai Kim Kim here.

"All of the reports are on the chemical spill and we are investigating them," he said when met after visiting the medic base at Pasir Gudang Indoor Stadium here yesterday.

He said police stationed about 150 personnel within the chemical-hit area to safeguard houses that have

been left behind by residents there due to the disaster.

"We have about three platoons here and nine roadblocks.

"I hope people will adhere to police instructions when coming to the area.

"We will not allow lorries or heavy vehicles that have nothing to

do with the disaster relief effort to enter the area," he said.

Watch the video thestartv.com



LAMPIRAN 12 (SAMB.)
 THE STAR (NATION): MUKA SURAT 3
 TARIKH: 18 MAC 2019 (ISNIN)

Selfless acts around the clock

Unsung heroes work long hours to control contamination situation



PASIR GUDANG: The unsung heroes working to contain the Sungai Kim Kim chemical pollution in Pasir Gudang are forced to endure long hours not just to treat the victims, but also carry out detection for chemical substances around the area, collect samples and even carry out cleaning works.

More than a dozen agencies have been involved in the process for the past 11 days. They are mobilised from around the country. One of them is Fire and Rescue Department's hazardous materials (Hazmat) specialist M. Murugiah who was in the midst of teaching firemen at the department's training college in Kuala Kubu Bharu, Selangor, when he received his deployment orders to move to Johor at 10am on March 12. "I immediately dismissed my class and packed up and was on the way to Johor within 30 minutes," he said, adding that presently there are 10 Hazmat teams carrying out checks and surveillance around the clock. "We carried out decontamination works for the teams moving in and out of ground zero at the river and also for people entering the Pasir Gudang stadium for check-ups," he said, adding that his team was also tasked with collecting about 20 air, water and soil samples daily for real-time analysis.



First on the scene: Dr Soh was part of the initial team deployed.

Asked how they have been coping, he said as firemen they were used to roughing it out anywhere. "There is a lot of planning and movement of personnel as this is an operation which covered a huge area," said Murugiah, who has spent 25 out of 30 years service as a Hazmat specialist. Mercy Malaysia medical volunteer Dr Soh Yih Harn, 34, who was part of the initial team deployed to help the victims in Pasir Gudang, said they were short-handed at first. "I arrived in Pasir Gudang from Melaka at about 2am on March 14 and started my shift at 8am. "We have more medical volunteers now and that allows us to see as many patients as possible," he said when met at the medic base here at the Pasir Gudang Indoor Stadium.



Helping hand: Sim hopes to reduce the burden of all agencies.

For Malaysia Civil Defence Force (APM) ambulance driver Muhammad Atikullah Aziz, 31, it has been hectic since he was deployed to the area as he makes between five and seven trips sending people from the stadium to the hospitals. "A lot of agencies also sent ambulance drivers to help out here and that has allowed us to respond faster to emergency calls. "I hope that the situation here will go back to normal soon," he said. Malaysia Red Crescent volunteer Amy Sim, 32, hopes that their presence will help reduce the burden of all agencies involved in the rescue mission here. "Some of the volunteers would come after work while some even took leave to help and counsel the victims here. "I have been here since I finished work on Friday and will try to stay to help out as long as I can," said Sim, a teacher. The technical director of the main



To the rescue: Muhammad Atikullah sends victims to hospitals.

contractor involved in the cleaning up of Sungai Kim Kim, N. Shanker, 52, has been working around the clock with his team to clear up a 1.5km stretch. "We have support from two other contractors to clean up the river here. "About 90 people are involved in the exercise with half working the day shift and the other half the night," he said when met near Sungai Kim Kim. He added that all agencies involved have been working tirelessly for 24 hours daily to purify the river since Wednesday and he is glad that the process to salvage the river has been completed with only a little micro-cleaning left to work on. Shanker, who has 12 years experience in this field, said this is the first time he is removing chemical waste from a river. "Most of the cases that we have been involved in are those involving internal chemical spillage in industries," he said.

Johor Ruler sees red over allegations

PASIR GUDANG: Johor Ruler Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar has expressed anger over allegations spread by certain quarters that he has a business interest in a factory allegedly involved in the pollution incident here. The Sultan reminded those who are behind the allegation not to divert the people's attention from weaknesses of those entrusted with carrying out their responsibilities. "It has come to my attention that certain quarters are trying to spread slander that I am involved in the business of the factory which has caused pollution in Pasir Gudang. "I would like to remind all parties to stop politicising this issue. Please present credible evidence if it is true that I am involved in the factory's business because I have never been fearful nor ever submitted to slander which aims to smear the Johor Royal Institution," the Sultan said in a statement on his official Facebook page yesterday. In a later statement on his Facebook page, Sultan Ibrahim said he closely followed each development in the pollution incident and received detailed reports on the clean-up being done at Sungai Kim Kim. The Sultan said he also received reports on the latest updates regarding the number of victims being treated in hospital. Sultan Ibrahim said that he, along with Permaisuri Johor Raja Zarith Sofiah Almarhum Sultan Idris Shah and Tunku Mahkota Johor Tunku Ismail ibni Sultan Ibrahim, had visited the victims in hospitals.

Air quality still being monitored near river

PASIR GUDANG: Authorities have cleaned up a 1.5km stretch of Sungai Kim Kim but they are still monitoring air quality in the affected areas, said Energy, Technology, Science, Climate Change and Environment Minister Yeo Bee Yin. "We are conducting surveillance, and after this, we will see what other steps can be taken to avoid another wave of toxic gas pollution," she said. Yeo said 30 teams consisting of personnel from the Department of Environment and Chemistry Department would inspect 30 schools located between 3km and 9km from the river. "These teams are equipped with gas detection devices, so they are able to check the air quality at these schools," Yeo told reporters at a press conference at Menara Aqabah here yesterday. She said that the teams had previously recorded good air readings and they are hoping to get more good results following the river clean-up. Besides air quality, she said, the teams will also be checking if the underground water in the area has been affected by the chemical pollution from Sungai Kim Kim. Meanwhile, Johor Fire and Rescue Department director Datuk Yahaya Madis said the public should not be overly worried about the discovery of hydrogen cyanide in previous air sample taken from the area. Speaking at a separate press conference, he said the current reading for the gas is under 2.0 parts per million (PPM) compared to 4.5 PPM recorded on March 7. Yahaya pointed out that the traces of cyanide resulted from a reaction from the chemical waste, and only dangerous after a long period of exposure to it. It was earlier reported that the department had found 15 types of chemicals in air samples taken from areas surrounding Sungai Kim Kim, including hydrogen cyanide.



View from up high: An aerial view of Sungai Kim Kim in Pasir Gudang which is undergoing clean-up work from toxic pollution. — Bernama

Ambulance driver: I was just doing my job

KLUANG: The ambulance driver who fell into a coma while helping to transport victims of the chemical pollution at Sungai Kim Kim to the hospital said it was his duty to discharge his responsibility. At that time, Mohd Fariz Anuar, 43, said his only focus was to send the victims to the nearest clinic or hospital after receiving the emergency calls. "On the first and second trips to the hospital, I did not feel anything, but during the third trip taking the (Department of Environment) officers near to Sungai Kim Kim, my body felt different. "At that moment, I began to feel dizzy and there was a tightness in my chest, making it difficult for me to breathe," he said at his home in Kampung Paya Dalam here yesterday. The father of four thanked the Permaisuri of Johor Raja Zarith Sofiah Almarhum Sultan Idris Shah who had visited him at the hospital. Before being discharged and allowed to return home on Saturday, Mohd Fariz had been unconscious for four days and was placed in the intensive care unit. He is on leave until March 24. — Bernama

LAMPIRAN 13
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 30
TARIKH: 18 MAC 2019 (ISNIN)

Rembau

Hutan 4.9 hektar terbakar

Cuaca yang panas ketika ini menyebabkan sebuah hutan di Batu 5 1/2, Kampung Kundur Hulu, di sini, seluas 4.9 hektar musnah terbakar, kelmarin.

Komander Operasi Bomba bagi Zon Port Dickson Mohd Siraj Abdullah berkata, 17 anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Rembau, Tampin dan Seremban dikerahkan ke lokasi sebaik menerima panggilan kejadian pada jam 7.03 malam.

Katanya, sebaik tiba pada jam 7.28 malam bersama tiga jentera, pihaknya mendapati api marak menyebabkan kerja pepadaman dilakukan segera.

"Langkah awal dibuat adalah mengawal api



KEADAAN kebakaran membabitkan hutan di Batu 5 1/2, Kampung Kundur Hulu.

daripada merebak ke kawasan penempatan penduduk. Dengan kekuatan 17 anggota, kami perlu berkawal di kawasan seluas 4.9 hektar," katanya.

Menurutnya, anggotanya berdepan bahang yang sangat panas, tambahan pula api merebak dengan cepat.

"Alhamdulillah, berkat kesungguhan semua

anggota, kebakaran di hutan dapat dipadamkan sepenuhnya pada jam 11.30 malam.

"Siasatan awal bomba mendapati kebakaran disebabkan oleh cuaca yang panas ketika ini," katanya.

Mohd Siraj berkata, ketika pepadaman dibuat, berlaku beberapa letupan menyebabkan anggotanya terpaksa berwaspada.

LAMPIRAN 14
 NEW STRAITS TIMES (NATION/NEWS): MUKA SURAT 57
 TARIKH: 18 MAC 2019 (ISNIN)

SUMO BATTLE

Student with learning disability wins robot competition

BESUT: Having a learning disability did not stop a student from designing a robot that won a competition.

In fact, 13-year-old Nik Mohd Afiq Mohd Nazim and his partner, Muhammad Hafizuddin Abd Razak, 9, won the WeDo 2.0 category in the Mizanis Robotic Sumo Battle 2019 organised by the Teachers' Education Institute's Sultan Mizan campus.

They beat 244 teams in the two-day competition at the institute.

"This is my first time in this competition. Initially, I did not know anything about building

robots and was not interested, but my teacher encouraged me to enter the competition with a schoolmate," he said.

"With the teacher's guidance, I learnt to build a robot and became more interested."

Nik Afiq and his friend were not only creative, but also fast in building their robot, which looked like a tractor.

Their teacher, Ahmad Aiman Abu Bakar, 29, said even though Nik Afiq had a learning disability, he was interested in mathematics and science, and could build a good robot in under three hours.



Students taking part in the Mizanis Robotic Sumo Battle competition at the Teachers' Education Institute's Sultan Mizan campus in Besut. BERNAMA PIC

LAMPIRAN 15
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 20
TARIKH: 18 MAC 2019 (ISNIN)

Masih buang tapi 'tak serius'

Penduduk gesa pihak berkuasa pantau kewujudan kilang elak pencemaran



PEMBUANGAN sisa industri dipercayai toksik yang berlaku pada Februari lalu.

Mohamad Hussin mohamad_hussin@hmetro.com.my

Semenyih

'S'aya percaya mereka (pengilang haram) masih membuang sisa kumbahan ke sungai, tetapi ia tidak serius. 'Malah, penduduk kampung yang memancing ikan di sekitar kawasan sungai ini mendapati ikan masih hidup dan tidak tercemar,' kata penduduk yang mahu dikenali sebagai Man, 45.

Menurutnya, dia bimbang sekiranya tiada pemantauan daripada pihak berkuasa kemungkinan kejadian pembuangan sisa toksik dipercayai bahan kimia akan berulang kembali. 'Sejak saya menetap di sini, banyak kali berlaku kejadian membuang sisa toksik. Mujur, penduduk cepat membuat aduan kepada pihak berkuasa bagi menghalang pengaliran sisa berkecenderungan ke dalam sungai. 'Pada waktu malam, kawasan ini memang sunyi menyebabkan mereka berani membuang sisa kumbahan dan toksik. Sikap tidak bertanggungjawab menyebabkan

kan penduduk menjadi mangsa. 'Kerajaan perlu mengenakan hukuman lebih berat ke atas mereka yang melakukan jenayah ini,' katanya ditemui di Kampung Machang, Jalan Sungai Lalang di sini, semalam. Menurut Man, dia berharap pihak berkuasa lebih kerap mengadakan pemantauan di kawasan ini kerana kebanyakan pemilik kilang beroperasi secara haram. Sementara itu, Ketua Kampung Sungai Machang, Abdul Rashid Mohd Ali, 55, berkata, penduduk fobia dengan kejadian pencemaran sungai sebelum ini dan ber-

harap pihak berkuasa mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana industri yang melakukan kegiatan itu. 'Biasanya warna air sungai Semenyih tidak menentu, kadang-kadang jernih kadang-kadang keruh. Kalau musim hujan ia keruh namun setakat ini belum ada aduan pencemaran sungai. 'Lebih membimbangkan penduduk apabila kawasan bukit di Jalan Sungai Lalang ini, ada projek pembinaan kilang baharu yang menyebabkan banjir lumpur pada musim hujan. 'Kami mahu pihak ber-

kuasa memantau kilang di sini, sama ada mereka beroperasi secara sah atau haram kerana dikhuatiri mengundang pencemaran,' katanya. Abdul Rashid berkata, dalam kejadian terbaharu awal Februari lalu, penduduk mengesan lebih 20 tong mengandungi sisa buangan di dipercayai toksik dibuang di

kawasan Jalan Sungai Lalang di sini. 'Sejurus menyedari, penduduk menghubungi pihak berkuasa dan memaklumkan mengenai kejadian itu. 'Ada sebahagian tong tumpah dan mengalir ke dalam parit. Namun, tindakan pantas pihak berkuasa menghalang aliran bahan itu dari terus mengalir ke sungai,' katanya.

Kuala Lumpur: Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mengadakan pemeriksaan berkala dan mengambil sampel air setiap minggu di tujuh empangan di Selangor termasuk Empangan Semenyih bagi memastikan tidak berlaku pencemaran. Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Datuk Hashim Osman berkata, hasil pemeriksaan berkala mendapati ia dalam keadaan terkawal dan mencukupi walaupun cuaca panas. 'Saya minta semua pihak terutama pengilang jangan sesuka hati mencemarkan sungai dengan membuang bahan sisa kumbahan atau

Periksa sampel setiap minggu

toksik ke dalam sungai kerana ia menjejaskan sumber empangan air. 'Dalam keadaan cuaca panas dan musim kering saya menggesa semua pihak bekerjasama, jangan membuang sampah ke sungai. 'Kita sentiasa membuat pemantauan di tujuh empangan setiap minggu untuk memastikan ia tidak tercemar,' katanya ketika dihubungi di sini, semalam. Hashim berkata, antaranya Empangan Tasik Subang, Empangan Semenyih, Empangan Langat, Empa-

ngan Klang Gates, Empangan Batu, Empangan Sungai Selangor dan Empangan Sungai Tinggi. 'Jika di dapati kandungan air diambil mempunyai pencemaran yang tinggi kita ambil tindakan segera. 'Setakat ini, LUAS belum menerima laporan pencemaran sungai di mana-mana empangan termasuk di Empangan Semenyih.

Tugas kita memantau air mentah sebelum diproses. 'LUAS dan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) sentiasa melakukan pemantauan sungai dan empangan di Selangor bagi memastikan tidak berlaku pencemaran air,' katanya. Sementara itu, Naib Presiden EcoKnights, Amlir Ayat berkata, kesedaran dan pembabit sektor industri

FAKTA Tujuh empangan termasuk Empangan Tasik Subang, Semenyih, Langat, Klang Gates, Batu, Sungai Selangor dan Sungai Tinggi

terhadap peranan mereka dalam pengurusan sungai secara mampan adalah lemah. Beliau berkata, pihak industri diberi lebih banyak pendedahan kepada isu pengurusan sumber alam, perundangan yang berkaitan dan peranan mereka dalam mencapai kemampunan. 'Kesedaran dan kefahaman orang ramai mengenai kepentingan pengurusan air secara mampan harus dimantapkan bermula dari usia muda atau tahap pra-sekolah. 'Ia supaya mereka boleh memainkan peranan positif dan pro-aktif serta pantas

dalam memastikan pihak industri tidak sewenang-wenangnya mencemarkan alam,' katanya. Amlir berkata, kerajaan harus memainkan peranannya secara aktif dan pantas seperti kes Sungai Lalang untuk memastikan pencemaran air berada pada tahap terkawal supaya tidak mengancam keselamatan awam. 'Ia juga harus peka dengan sebarang pandangan atau aduan orang ramai mengenai pencemaran di pihak tempatan. Dua peranan utama dalam aspek ini ialah pemantauan dan penguatkuasaan,' katanya.

LAMPIRAN 16 HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 22 TARIKH: 18 MAC 2019 (ISNIN)



ENIAGA membuka gerai makanan di tebing sungai.



UNGAI Golok dikunjungi orang ramai untuk beriadah di hujung minggu.



ORANG ramai terutama kanak-kanak mandi-manda di Sungai Golok berikutan cuaca panas yang melanda negara.

Siti Nor Hidayatidayu Razali
sitinor@nstp.com.my

Rantau Panjang

Musim kemarau menyebabkan paras air sungai Golok surut dan mula menjadi tumpuan orang ramai yang mengambil peluang untuk mandi serta berniaga di kawasan sekitar Pangkalan Pasir, di sini. Kawasan itu menjadi tumpuan sejak seminggu lalu oleh pengunjung dari Kelantan dan negara jiran. Lebih 10

FAKTA
Paras air sungai Golok catat 3.35m berbanding paras normal 5m

peniaga mengambil kesempatan membuka gerai menjual air dan makanan ringan sejak empat hari lalu berikutan lokasi itu menerima pengunjung yang ramai setiap hari. Tinjauan Harian Metro di Pangkalan Pasir mendapati suasana meriah dan sungai Golok menjadi tapak pesta apabila lebih 500 orang berkunjung ke kawasan itu dan ada yang mengambil peluang mandi berikutan paras air di lokasi itu hanya kira-kira 0.2 meter (m). Menurut portal Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan, paras air sungai Golok mencatatkan 3.35m





LAMPIRAN 16 (SAMB.)
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 23
TARIKH: 18 MAC 2019 (ISNIN)



PESTA KEMARAU

■ Sungai Golok surut air jadi tumpuan mandi-manda

foto: FATHIL ASRI



berbanding paras normal 5m. Suri rumah, Shidah Jusoh, 39, yang tinggal di Kampung Cabang Tiga Bagus berkata, dia mengambil peluang berniaga kerana kawasan itu menerima kunjungan orang ramai setiap hari.

"Saya berniaga sejak empat hari lalu bermula jam 3 petang hingga 7 malam setiap hari dan memperoleh antara RM100 hingga RM200 sehari. "Sebelum ini, saya tidak bekerja dan melihat sambutan orang ramai memberi semangat untuk saya berniaga air dan makanan ringan.

"Kawasan ini sebelum ini sunyi, namun sejak seminggu lalu orang ramai datang ke lokasi ini bukan sahaja penduduk sekitar, malah dari luar Rantau Panjang,"

katanya ketika ditemui di sini.

Katanya, paras air surut mendadak itu berlaku seperti tahun 2015 yang turut menerima kunjungan orang ramai.

Pengunjung, Che Romah Ibrahim, 59, berkata, dia dan suami, Mohd Hussin Abdullah, 59, tertarik untuk datang ke kawasan itu selepas mendengar lokasi itu meriah dan menjadi tumpuan.

"Kami tinggal di Sri Gombak, Selangor. kebetulan pulang ke kampung kerana ada kematian mengambil peluang untuk melihat sendiri suasana di sini," katanya.

"Saya tidak sangka sungai Golok ketika musim kemarau ini sangat meriah," katanya.



LAMPIRAN 17 HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 17 TARIKH: 18 MAC 2019 (ISNIN)



PENDUDUK setempat mengangkat mayat seorang mangsa gempa di kawasan air terjun Tiu Kelep Senaru.



ANTARA rumah yang musnah akibat gempa.

GEMPA BUMI LOMBOK

Rakyat Malaysia terkorban

Mohd Azam Shah Yaacob
mohdazam@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Timbalan Ketua Pengarang Sin Chew Daily, Datin Tai Siew Kim dilaporkan terkorban dalam kejadian gempa bumi yang melanda Pulau Lom-

bok, Indonesia, semalam. Menurut laporan akhbar itu, ketika kejadian jam 2 petang, Siew Kim, 59, berada di kawasan air terjun Tiu Kelep Kampung Senaru di Lombok Utara apabila gempa bumi berskala 5.8 magnitud melanda Lombok Timur. Difahamkan

mangsa berkunjung ke negara berkenaan bersama 28 ahli keluarga termasuk seorang anak lelakinya. Sementara itu, Wisma Putra dalam satu kenyataan mengesahkan seorang rakyat Malaysia terkorban, manakala enam lagi gagal di-kesan dalam

kejadian gempa bumi berkenaan. Menurutnya, mangsa bersama enam individu berkenaan berada di kawasan Air Terjun Tiu Kelep Senaru di Lombok Utara ketika gempa melanda. Katanya, gempa di kawasan itu turut dirasai di Lombok Utara, Lombok Timur, Lombok Tengah, Mataram dan sebahagian kawasan

Pulau Bali. "Buat masa ini, usaha mencari dan menyelamatkan mangsa sedang giat dijalankan pihak berkuasa Indonesia. "Wisma Putra masih menunggu kenyataan rasmi pihak berkuasa tempatan di sana," katanya tanpa menyebut identiti mangsa yang maut serta hilang. Menurutnya, pihaknya

menzahirkan rasa simpati dan sedih terhadap mangsa serta ahli keluarga susulan kejadian itu. Katanya, rakyat Malaysia yang terjejas akibat kejadian itu diminta supaya menghubungi Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta menerusi talian +62215224947 atau +6281380813036 atau menghubungi Wisma Putra di talian 03-88874570.

FAKTA
Mangsa berkunjung ke Indonesia bersama 28 ahli keluarga

PENGUNJUNG sebuah pasar raya keluar dari bangunan akibat gempa di Kota Mataram.



MIHAS PAMERAN PERDAGANGAN HALAL ANTARABANGSA KE-16

Kunjungi Pameran Perdagangan Halal Terbesar di Dunia

3-6 April 2019
MITEC, Kuala Lumpur

KINI DIANJURKAN BERSAMA

GLOBAL

LAMPIRAN 18 BERITA HARIAN (TRAGEDI): MUKA SURAT 21 TARIKH: 18 MAC 2019 (ISNIN)



[FOTO KORANNTB.COM]



[FOTO ANTARA NEWS]

Antara kediaman yang musnah dalam gempa di Lombok, semalam. Gambar kecil, Tai Siew Kim.

Antara korban akibat gempa di air terjun Tiu Kelep, Senaru, Lombok Utara, Nusa Tenggara Barat, semalam.

GEMPA BUMI DI LOMBOK

Seorang rakyat kita maut, 6 masih hilang

Timbalan Ketua Pengarang Sin Chew Daily terbunuh, anak cedera dalam kejadian di Air Terjun Tiu Kelep

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Safeek Affendy Razali
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Timbalan Ketua Pengarang Sin Chew Daily, Datin Tai Siew Kim terkorban, manakala enam lagi rakyat Malaysia hilang dalam kejadian gempa bumi berukuran 5.8 magnitud di Lombok, Indonesia semalam. Kematian Siew Kim, 56, disahkan oleh Sin Chew Daily. Mangsa dikatakan bercuti di pulau itu bersama anak lelakinya, Teoh Jin Yik, 20. Jin Yik dilaporkan cedera dalam kejadian itu dan dirawat di hospital berdekatan. Dua rakyat Indonesia turut dilaporkan maut dan beberapa lagi cedera dalam kejadian jam 2.07

